

## Media Release – 24 May 2011

### **Persidangan Akhbar pada Pelancaran Projek Demonstrasi Amalan Pertanian Baik (GAP), Cameron Highlands (2011-2013)**

Kempen Amalan Pertanian Baik bertemakan Pemangkin Pertanian Mapan telah dilancarkan pada 25 Oktober 2010 di Cameron Highlands oleh Yang Berhormat Tuan Chua Tee Yong, Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani.

Projek ini adalah satu *industry-led project* di mana pihak industri selaku salah satu stakeholders bersama-sama bertanggung jawab dengan kerajaan dalam mempromosi dan melaksanakan amalan pertanian yang baik di kalangan para petani. Projek akan dijalankan di Cameron Highlands untuk tempoh 3 tahun dari 2011 hingga 2013, yang akan di pandu oleh 2 stakeholders yang utama iaitu Malaysian CropLife & Public Health (MCPA) dan Persatuan Penanam Sayur-Sayuran Cameron Highlands. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian akan membantu menjayakan projek ini melalui perkhidmatan nasihat pengembangan kepada petani dan juga urusan persijilan di bawah SALM.

MCPA adalah sebuah persatuan nasional yang mewakili industri sains tanaman dan kesihatan masyarakat di Malaysia. Persatuan ini bertindak mempromosikan faedah yang dapat diperolehi daripada bahan perlindungan tanaman dan produk bioteknologi; kepentingan bagi amalan pertanian mesra alam dalam aktiviti pertanian dan pengeluaran produk makanan; dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti projek.

Peranan MCPA amat bertepatan dengan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Pertanian iaitu mempromosikan pertanian moden untuk membolehkan para petani mencapai hasil produk pertanian yang berkualiti lebih tinggi. Kualiti ini setanding dengan standard makanan kebangsaan dan keselamatan produk makanan. Produk pertanian tersebut dapat memenuhi syarat untuk penjenamaan “Malaysia’s Best” di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. “Malaysia’s Best” ini berfungsi sebagai jaminan kualiti dan keselamatan makanan kepada para pengguna produk-produk pertanian Malaysia. Penjenamaan dan komitmen



kualiti ke atas hasil pertanian Malaysia yang dapat menepati citarasa pengguna dapat meninggikan imej produk Negara. Seterusnya, pencapaian standard ini dapat meningkatkan kepercayaan ke atas produk pertanian Malaysia dan permintaan pasaran antarabangsa.

Penjenamaan “Malaysia's Best” dikeluarkan oleh Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) bagi hasil pertanian yang memenuhi kehendakan keperluan keselamatan makanan dan standard kualiti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa. Para petani yang menyertai program penjenamaan ini sepatutnya diwajibkan untuk memiliki Sijil Akreditasi Ladang Malaysia (SALM).

Sehubungan dengan ini, langkah pertama yang harus diambil dalam Projek Demonstrasi Amalan Pertanian Baik ini ialah mendidik dan melatih para petani untuk mencapai standard GAP dan memenuhi syarat untuk akreditasi SALM. Pelaksanaan tugas ini merupakan satu cabaran dan satu rangkaian proses. Oleh itu, tempoh masa projek tersebut ditetapkan selama 3 tahun (2011-2013).

Projek Demonstrasi GAP tersebut dilaksanakan dengan kerjasama penuh dari Persatuan Petani Sayur Cameron Highlands. Sebahagian daripada para pengusaha sayuran di Cameron Highlands mengesport hasil produk pertanian mereka. Namun, dalam beberapa tahun terkini, didapati kekerapan berita mengenai penggunaan racun perosak haram dan penggunaan dos racun perosak yang melebihi had yang dibenarkan menyebabkan paras residu racun perosak yang tinggi dalam sayur-sayuran pasca-tuai. Selain itu, tiada infrastruktur disediakan bagi membolehkan petani menguruskan pembuangan sisa pertanian secara efisien. Ini termasuklah pembuangan bekas-bekas kosong racun perosak yang telah digunakan. Pembuangan bekas-bekas racun perosak yang tidak berhempah berkemungkinan boleh mencemarkan kesejahteraan alam sekitar.

Para petani yang menyertai Projek Demonstrasi GAP akan membincangkan isu- isu berkaitan untuk membentuk latihan yang diperlukan. Daripada latihan tersebut, mereka memperolehi maklumat bagi mengenalpasti jenis racun perosak haram dan produk asli yang diluluskan dan didaftarkan oleh Lembaga Racun MakhluK Perosak, Jabatan Pertanian. Pegawai-pegawai pengembangan, khususnya daripada Jabatan Pertanian, akan bekerjasama dengan petani melalui penyebaran maklumat dan latihan untuk membantu mereka mencapai standard



Amalan Pertanian Baik. Salah satunya ialah membantu para petani untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Persijilan SALM.

Manakala, MCPA akan mengerahkan ahli-ahli pakar untuk melatih petani untuk menggunakan racun perosak secara bertanggungjawab, selamat dan bijaksana. Kawasan yang dipilih untuk Projek Demonstrasi GAP ini ialah Bertam Valley, Brinchang dan Kampung Raja di Cameron Highlands. Setiap daerah tersebut mempunyai paras ketinggian tanah dan tanaman campuran yang berbeza.

Projek Demonstrasi Amalan Pertanian Baik juga akan membincangkan isu-isu alam sekitar seperti pembuangan bekas racun perosak yang digunakan dan sisa pertanian. MCPA, Kesedaran Alam Sekitar Daerah Cameron Highlands (REACH) dan DoA, akan menggalakkan petani untuk mengamalkan bilasan tiga kali bekas racun perosak dan mengumpulkan bekas-bekas tersebut di antara enam pusat pengumpulan kitar semula yang dikelolakan oleh REACH. Sebagai tambahan, MCPA akan bekerjasama dengan petani dalam urusan penggunaan atau pembelian sisa pertanian atau penternakan untuk dijadikan baja kompos.

Secara amnya, Projek Demonstrasi GAP bertujuan untuk menunjukkan bahawa: 1) petani boleh dilatih, dan 2) program latihan yang tepat dapat dikembangkan untuk melatih para petani untuk mencapai standard GAP di seluruh lokasi di Malaysia.

Peranan dan tanggungjawab para stakeholder di dalam projek ini boleh dirumuskan sebagai berikut:

- Jabatan Pertanian akan memberikan servis pengembangan bagi peserta tani untuk membolehkan mereka memahami kehendak Amalan Pertanian Baik (GAP) dan meningkatkan kualiti amalan pertanian mereka untuk mencapai pensijilan SALM. Jabatan Pertanian perlu mengiktiraf ladang-ladang para petani dengan penganugerahan sijil SALM setelah semua syarat-syarat GAP berjaya dipenuhi.
- MCPA dan Persatuan Petani Sayur bekerjasama bagi menetapkan latihan kepada pengusaha tani dan mengadakan rundingan dengan DoA, memberikan bimbingan kepada petani untuk memahami keperluan-keperluan GAP dan bekerja untuk mencapai standard yang ditetapkan.



Hari Lapangan Petani akan diadakan oleh Persatuan Petani Sayuran Cameron Highlands, dengan dibantu oleh stakeholder yang lain, untuk mendapatkan tahap kemajuan projek secara berkala. DoA akan menyelenggarakan latihan seminar dan bengkel untuk membolehkan pegawai-pegawai yang terlibat untuk mempelajari "Amalan Pertanian Baik" dan mengimplimentasikan kepakaran teknikal tersebut. MCPA boleh menjalankan aktiviti penerangan kepada petani dengan menjemput para ahli pakar GAP dari dalam dan luar negeri.

Kejayaan Projek Demonstrasi GAP pertama ini dapat memastikan peningkatan Amalan Pertanian Baik di lokasi-lokasi lain - di seluruh Cameron Highlands dan Malaysia, serta Negara ASEAN. Projek ini akan memberikan sumbangan langsung kepada peningkatan keselamatan makanan dan kawalan makanan negara.